



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM
NEGERI & HAL EHWAL PENGGUNA



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
(Agensi di bawah KPDNHEP)

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

PROGRAM YOUNGPREENEURS GO! (YPGO)

PADA

28 JANUARI 2019

TEMPAT

POLITEKNIK KOTA BHARU

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih Pengacara Majlis

Salutasi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dipertemukan kita dalam satu program yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) iaitu Program Youngpreneurs Go! (YPGo!).

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengarah Politeknik Kota Bharu dan seluruh kakitangan politeknik kerana telah memberikan kerjasama kepada SSM untuk kita sama-sama anjurkan program yang inshallah akan membawa banyak faedah kepada anak pelajar dan bakal-bakal usahawan pada masa hadapan.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

SSM merupakan salah sebuah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang berperanan sebagai pengawal selia sektor korporat di negara ini.

SSM bertanggungjawab memastikan setiap individu yang menjalankan perniagaan di negara ini berdaftar dengan SSM bagi mengelakkan wujudnya sebarang unsur penipuan dan penindasan terhadap pengguna.

Saya suka untuk memaklumkan bahawa tahun ini merupakan tahun yang ke-3 SSM melaksanakan program kesedaran dan pendidikan keusahawanan melalui siri jelajah YPGo!.

Melalui program YPGo! ini, SSM memberikan fokus khusus kepada mahasiswa IPTA dan IPTS di seluruh negara untuk memupuk minat mereka menceburi bidang keusahawanan dengan memperkenalkan slogan **“Perniagaan adalah satu kerjaya”**.

Saya akui bahawa apabila bercakap berkenaan menceburi bidang perniagaan, ramai yang akan menyentuh tentang risiko dan untung rugi sesuatu perniagaan. Pun begitu, saya percaya jikalau kombinasi tepat antara keazaman, latihan dan bantuan dicantumkan, keusahawanan akan menjadi bidang yang lumayan.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merupakan sektor ekonomi yang sangat besar dan berpotensi tinggi yang boleh menjadi permulaan kepada usahawan muda. Walau bagaimanapun, bergerak ke hadapan, usahawan muda kita harus pantas menyertai arus semasa seperti Revolusi Industri ke-4 (IR 4.0) yang akan memberikan perubahan kepada cara kita berdagang dan mencipta idea baru perniagaan.

Berdasarkan laporan *European Patent Office 2017*, pendaftaran paten teknologi berkaitan IR 4.0 seperti percetakan 3D (*3D printing*) dan *artificial intelligence*

semakin meningkat dari tahun ke tahun sejak tahun 2000 kerana penggunaan teknologi terkini terbukti membantu perniagaan menjadi lebih efisien. Contoh ini tidaklah baru kerana sejarah telah membuktikan bahawa sejak Revolusi Perindustrian Pertama, penggunaan enjin stim menjadi pemangkin kepada perkembangan perdagangan ketika zaman itu.

Besar harapan saya agar para pelajar memanfaatkan program YPGo! sebaiknya bagi meningkatkan kemahiran dan mengambil pengalaman sebanyak mungkin dalam bidang keusahawanan sebelum terjun ke dunia perniagaan.

Melalui program seumpama ini, SSM dapat membantu kerajaan meningkatkan kesedaran usahawan terhadap kepentingan mendaftarkan perniagaan di samping mendidik masyarakat agar tidak mudah tertipu dan menjadi mangsa peniaga yang tidak berdaftar.

Ini kerana, penyumbang kepada peningkatan jumlah aduan penipuan peniaga online pada ketika ini berpunca daripada kewujudan peniaga yang tidak berdaftar. Pengguna yang ditipu oleh peniaga tidak berdaftar juga sukar untuk mengambil tindakan undang-undang memandangkan SSM atau pihak berkuasa tidak mempunyai sebarang rekod mengenai kewujudan perniagaan tersebut.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

Saya suka untuk memaklumkan bahawa SSM juga turut menyediakan peruntukan zakat korporat dan CSR untuk disalurkan kepada golongan asnaf fi'sabilillah, asnaf fakir miskin, serta golongan yang memerlukan termasuk yang bukan beragama Islam.

Hari ini, SSM akan menyediakan peruntukan zakat korporat sebanyak RM 22,000.00. Daripada jumlah tersebut, seramai 100 orang pelajar fakir dan miskin yang beragama Islam akan menerima sebanyak RM 200 setiap seorang. Selebihnya, sebanyak RM

2,000.00 pula akan diberikan kepada Surau Politeknik Kota Bharu.

Bagi peruntukan CSR pula, SSM menyediakan sebanyak RM 21,000.00 yang diagihkan kepada 10 buah keluarga yang daif di kawasan sekitar. Setiap keluarga menerima wang tunai sebanyak RM 1,000.00 beserta barangan keperluan asas bernilai RM 100. Selebihnya, SSM mengagihkan bantuan sebanyak RM 200 kepada 50 orang pelajar miskin bukan beragama Islam.

Diharapkan peruntukan ini dapat meringankan bebanan mereka. Saya berdoa agar lebih banyak program seperti ini di masa hadapan supaya lebih ramai rakyat yang dapat dibantu.

Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin menyeru kepada seluruh hadirin khususnya para pelajar agar memanfaatkan program YPGo! ini dengan sebaiknya. Saya percaya, banyak ilmu mengenai dunia keusahawanan dapat diperolehi sepanjang 2 hari program ini berlangsung.

Sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada pihak SSM dan semua yang terlibat menjayakan Program Youngpreneurs Go! ini.

Oleh itu, dengan lafaz Bismillahi rahmanirr rahim, saya merasmikan **Program Youngpreneurs Go! Politeknik Kota Bharu Kelantan.**

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah, Wassalam mua'laikum warahmatullahi wabarakatuh.